

RESOLUSI

Simposium Penjabaran Kerangka Literasi Bangsa Malaysia (Jun-Julai 2021 | Seluruh Negara)

1. Menginsafi bahawasanya pembinaan bangsa Malaysia mempunyai sejarahnya tersendiri yang perlu digali dan dicerna untuk diterjemah semula kepada warga dan khalayak seluruhnya;
2. Menyedari bahawa, pemahaman terhadap sejarah dan latar belakang identiti bangsa perlu diwujudkan dalam kalangan rakyat, bagi mengembalikan nilai hidup bersama dalam budaya damai, agar terus relevan sebagai bangsa yang ramah dan inklusif, tanpa menggadaikan prinsip-prinsip sejagat berteraskan semangat Perlembagaan Persekutuan;
3. Menyeru kepada reformasi intelektual dalam menyemarak kefahaman negara bangsa, dengan menyedari tanggungjawab sebagai hamba Tuhan Yang Maha Esa, yang berperanan untuk menyebarkan kebaikan dengan hikmah, bercitra kosmopolitan, yang dijalin melalui pengutuhan aspek idealisme, aktivisme, dan spiritualisme yang berorientasikan nilai dan etika;
4. Menyedari bahawa reformasi dalam bentuk siasah kepolitikan sebagai suatu keperluan mendesak, khususnya dalam mewujudkan agen-agen pendukung agenda kesatuan Bangsa yang mampu mengelola dasar dan kegiatan signifikan demi meningkatkan kefahaman masyarakat tentang bangsa Malaysia seterusnya merealisasikan gagasan ini secara terancang.
5. Bertekad untuk mendukung agenda Bangsa Malaysia sebagai gerakan penyelesaian secara inklusif terhadap permasalahan- permasalahan yang dihadapi, melalui proses pemupukan dan kesatuan nilai yang menampilkan citra bangsa yang bermaruah, mandiri, saling berdaya, bantu membantu serta komited melestari kehidupan warga menerusi prinsip pembangunan mampan.

Sekian, mohon kesepakatan warga persidangan/ simposium sekalian.
Terima kasih

Panitia Pengelola

Simposium Penjabaran Kerangka Literasi Bangsa Malaysia